

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HGM 435 Geografi Perindustrian

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGİ **ENAM (6)** SOALAN DI DALAM **DUA (2)** HALAMAN.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama (25 markah).

1. Pada dekad 1990an perspektif masyarakat global dan nasional menunjukkan bahawa sistem kapitalis berada di dalam keadaan krisis. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada kitaran pelaburan pengeluaran kapitalis dan hubungan antara modal, buruh dan dasar kerajaan. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.
2. Bincangkan perubahan ekonomi-politik industri tekstil dan pakaian, atau industri automobil atau industri elektronik di Amerika Utara atau Jepun sejak 1985 dengan merujuk kepada tekanan daripada pengantarabangsaan pengeluaran.
3. Bincangkan sejauhmana budaya boleh diterima sebagai faktor yang mempengaruhi peralihan teknologi di dalam ruang-ruang perindustrian atau daerah perindustrian untuk menyemaikan daya saing. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

4. [a] Senaraikan 6 fungsi tertentu wawasan penyelidikan.

(9 markah)

[b] Informasi dan teknologi baru memerlukan peruntukan sumber (manusia dan kewangan) yang lebih besar dari dahulu. Bincangkan dan sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

(16 markah)

5. Bincangkan faedah daya saing negara yang diutamakan oleh Porter (1990), khasnya

[a] keadaan faktor (factor conditions).

[b] keadaan permintaan (demand conditions).

[c] industri sokongan dan berkaitan (related and supporting industries).

[d] strategi firma antara firma, struktur dan persaingan (rivalry).

Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

6. Bincangkan peranan korporat antarabangsa, keadaan sosio-ekonomi tempatan dan institusi supra nasional dalam pertumbuhan zon-zon ekonomi serta koridor pembangunan Asia Pasifik.

--ooo000ooo--